

# Nasionalisme Kurdis asabiyah bangsa Turki cetus persengketaan

Baru-baru ini, dunia dikejutkan dengan pengeboman di Turki. Letusan pertama pada 14 Mac lalu di Ankara, meragut 34 nyawa dan mencederakan 134 orang, manakala letusan kedua 19 Mac di Istanbul pula mengorbankan lima orang, termasuk tiga warga asing dan 36 tercedera.

Ankara ini didalangi Parti Pekerja Kurdistan (PKK), sebuah militan nasionalis etnik Kurdis di Turki yang memperjuangkan penubuhan sebuah negara bangsa Kurdistan, merangkumi wilayah yang diduduki mereka di sebahagian kawasan Turki, Iran, Iraq dan Syria.

Perjuangan bangsa Kurdis ini bukanlah baru sahaja bermula, malah perjuangan negara bangsa ini sudah pun membara hampir satu abad lalu, setelah perjanjian 'Sykes-Picot' dimeterai secara rahsia pada 1916 yang menyaksikan terpecahnya wilayah Daulah Uthmaniyah kepada negara-negara bangsa yang menghidupkan semangat nasionalisme di dunia Arab.

## Lahirkan tokoh terkenal

Kurdis adalah etnik yang sudah wujud sejak seawal kurun ke-17 lagi, seperti dibuktikan melalui penulisan pada awal era kebangkitan Islam yang banyak menceritakan mengenai etnik Kurd. Majoritinya beragama Islam, manakala budaya dan pertuturannya amat mirip dengan bangsa Iran, sehingga mereka diklasifikasikan sebagai orang Iran. Bangsa ini pernah melahirkan tokoh terkenal seperti Salahuddin Al Ayubi, yang pernah membebaskan bumi Baitulmaqdis.

Etnik Kurdis sudah sebatu dengan perjuangan kemerdekaan sejak ber-kurun dahulu. Sejarah membuktikan bagaimana mereka bangkit dalam perjuangan melawan Sumeria, Asyur, Parsi, Mongolia dan Tentera Salib Eropah untuk kemerdekaan.

Walaupun memiliki jumlah etnik yang teramai iaitu hampir 30 juta orang, bangsa Kurdis tidak senasib dengan bangsa Arab dan Asia Barat yang lain. Pasca keruntuhan Uthmaniyyah memecahkan wilayah jajahannya kepada beberapa negara bangsa seperti Arab Saudi, Syria, Lubnan, Palestin dan Jordan serta penubuhan Republik Turki di bawah pimpinan Kamal Attaturk, tetapi Kurdis tetap tidak mempunyai negara bangsanya sendiri.

Penubuhan Republik Turki yang menafikan hak bangsa lain, selain Turki menindas etnik Kurdis yang majoritinya tinggal di kawasan timur dan tenggara Turki. Malah, bahasa Kurdis yang sebelum ini diharamkan hanya diiktiraf pada 1991 selepas kemasukan beberapa tokoh politik berbangsa Kurdis di Parlimen, namun masih dilarang untuk digunakan dalam majlis-majlis rasmi dan di tempat awam.

Penindasan demi penindasan ini akhirnya membawa kepada pemberontakan bangsa Kurdis di Turki. Pada 1978, satu pasukan pemberontak bersenjata berfahaman nasionalis-komunis ditubuhkan dengan nama PKK untuk memperjuangkan penubuhan sebuah wilayah autonomi Kurdistan dan hak politik serta kebudayaan bagi bangsa Kurdis.

Beberapa konflik dan siri penentangan kerap berlaku antara militan PKK dengan Turki, terutama ketika fasa pemberontakan bersenjata pada 1984-1999. PKK dan Turki pernah memeterai perjanjian gencatan senjata pada 1999-2004, namun berlaku sekali lagi penentangan pada 2004-2012 yang mengorbankan 541 orang, termasuk 316 militan.

Pada era ini juga, PKK memulakan siri serangan bom yang menyasarkan pusat pelancongan dan pusat ekonomi di Istanbul dan barat Turki yang membabitkan tempat awam. Pada 2013-2015, Turki dan PKK cuba melakukan proses rundingan damai, namun berikutan krisis IS di Syria dan Iraq yang membabitkan kedua-dua pihak dan pasca Pilihanraya Legislatif Turki yang menyaksikan penambahan kerusi parti pro-Kurdis (HDP), penentangan terus berlaku antara keduanya.

Pertempuran dan siri serangan bom terus giat berlaku sehingga kini, termasuk dua serangan bom yang berlaku baru-baru ini.

## Semangat nasionalisme

Peristiwa ini menunjukkan kepada kita bagaimana semangat nasionalisme yang menjadi asas perjuangan bangsa Kurdis di Turki menjadi barah yang memecahbelahkan dan menggugat semangat perpaduan dan keamanan di Turki.

Bagi menyelesaikan krisis ini, sudah tiba masanya umat Islam bersatu padu tanpa mengambil kira bangsa dan warna kulit. Umat Islam harus mencari jalan mendaikkan kedua pihak. Hak bangsa Kurdis harus diberi oleh Turki tanpa mendiskriminasi etnik mereka, walaupun mereka bukan bangsa Turki.

Nasionalisme dan asabiyyah yang membara dalam kalangan bangsa Turki dan Kurdis hanya membawa kepada api persengketaan kepada kedua-dua pihak, yang membawa krisis ini ke jalan yang lebih buntu. Krisis pengeboman ini adalah hasil benih ditanam oleh penjajah ketika menumbangkan kerajaan Uthmaniyah, dan tidak akan selesai selagi semangat nasionalisme melampau terus sebatu di jiwa mereka.



## Penulis

ialah pelajar Tahun 2, Sarjana Muda Syariah dan Undang-Undang merangkap Timbalan Presiden Syariah Law Club Universiti Sains Islam Malaysia